



# Dirundung rasa salah

*Kawan pilih sisih diri berhenti sekolah selepas teruk dalam peperiksaan*

## Soalan

**S**AYA pelajar sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berusia awal 20-an. Saya adalah seorang pelajar yang suka belajar secara berkumpulan.

Namun, sebelum peperiksaan akhir semester, saya menghadapi krisis dengan seorang kawan baik.

Dia tidak lagi belajar dengan saya dan kawan-kawan yang lain.

Dia seperti disisihkan, tetapi kami tidak pernah menyisihkan dia. Sikapnya yang terlalu ego adalah penyebab saya menjadi bosan dengannya. Dia juga selalu bersendirian dan susah diajak berbincang.

Akibat belajar bersendirian, dia mendapat keputusan teruk dan terus mengambil keputusan berhenti belajar tanpa pengetahuan sesiapa.

Saya cuba menghubunginya dan menghantar SMS, tetapi tidak dilayan.

Saya berasa sangat bersalah dengan perkara ini. Adakah saya adalah penyebab masalah ini terjadi?

INSAN KECEWA  
Kuala Lumpur

## Jawapan

**SETIAP** orang bertanggungjawab atas diri mereka. Justeru, kawan baik adik berhak membuat pilihannya. Dia berhak memilih sama ada untuk terus kekal dalam kumpulan belajar atau mengasingkan diri. Banyak helah bela diri digunakan kawan adik untuk tidak menyertai kumpulan belajar itu.

Adik bukan penyebab kepada apa yang menimpa dirinya. Keputusan peperiksaan teruk kerana dia sendiri kurang menumpukan perhatian serius kepada pelajaran.

Perasaan tidak tenteram akan terus menghantui jika adik berasa bersalah di atas apa yang berlaku. Namun, Dr amat faham perasaan bersalah adik itu. Hubungan persahabatan yang sudah terjalin antara adik berdua menyebabkan adik merasa terbabat sama dalam konflik dirinya. Konflik dirinya adalah konflik adik juga.

Bagaimanapun, usaha adik untuk membantu dia adalah baik. Orang yang bermasalah memerlukan bimbingan dan sokongan apatah lagi daripada kawan karib. Kata pepatah: 'Apabila temanmu berubah dan

bertukar keadaannya, jangan engkau tinggalkan dia kerana sekali ia membengkok dan sekali ia melurus.'

Mengubah personaliti atau sifat diri seseorang bukanlah mudah walaupun ia boleh dilakukan dan prosesnya mengambil masa. Kadangkala berjaya dan kadang kala tidak.

Contohnya, usaha adik menghubungi kawan dan menghantar SMS, tetapi tidak dilayan. Itulah antara cabaran yang perlu dihadapi dalam membantu rakan.

Jika gagal, ia bukan salah adik kerana sudah berusaha dengan niat baik. Selebihnya, terpulang kepada kawan adik untuk mengubah nasibnya sendiri.

Sebagai kawan baik, tentunya ada ciri-ciri yang adik miliki membolehkan dia bersahabat dengan adik. Jadi, gunakan ia untuk membantu dia terutama dalam pelajaran.

Memandangkan dia tidak suka belajar secara berkumpulan, adik boleh membantunya dengan mencari apakah cara lain yang boleh membantu dia mendapat keputusan baik dalam peperiksaan. Contohnya, dengan membuat jadual waktu belajar atau memilih orang-orang yang dia rasakan sesuai untuk berbincang.

Sikap ego, suka bersendirian dan susah berbincang bukanlah ciri yang sesuai untuk belajar secara berkumpulan. Sebaliknya, sikap ini boleh merosakkan keharmonian hubungan ahli-ahli dalam kumpulan belajar.

Dengan menyertai kumpulan belajar, adik akan dapat lebih memahami apa yang diajar. Selain itu, kebaikan belajar secara berkumpulan ialah dapat berkongsi nota, petua dan idea. Segala tugas yang diberikan juga lebih mudah dan cepat disiapkan.

Apa yang perlu dilakukan ialah mencari ahli-ahli yang komited serta tidak ego. Tentukan berapa lama pertemuan kumpulan belajar akan berlangsung.

Mulakan pertemuan kumpulan pada waktu yang sesuai serta buat agenda di awal setiap pertemuan. Ini akan membuatkan kumpulan mempunyai fokus iaitu untuk belajar, bukannya berbincang perkara yang tidak berkaitan.